

SALUTASI
SYARAHAN PERDANA PROFESOR
PROF. IR. TS. DR. SIVARAO A/L SUBRAMONIAN
24 NOVEMBER 2023 – JUMAAT

Yang Berusaha Profesor Dr. Zulkiflie Bin Ibrahim
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berusaha Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali Bin Omar
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri Bin Mohamad Sharif
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Yang Berusaha Profesor Ir. Ts. Dr. Hambali Bin Arep@Ariff
Dekan
Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan
(FTKIP)

Yang Diraikan,
Profesor Ir. Ts. Dr. Sivarao A/L Subramonian
Profesor di Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan
Pembuatan (FTKIP)

Pegawai Kanan UTeM, Ahli Akademia UTeM, para pelajar,
tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani
Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamt
Dunia
Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat
Salam UTeM ku Sayang, Menjajar Universiti Melonjak ke
Hadapan

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR

YBRS. PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN

**UCAPAN PERASMIAN NAIB CANSELOR SYARAHAN PERDANA
PROFESOR**

PROFESOR IR. TS. DR. SIVARAO A/L SUBRAMONIAN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

24 November 2023 (Jumaat)

DEWAN KULIAH FTKIP, UTeM


SALUTASI

-Seperti di lampiran

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izinNya kita dapat bersama-sama di Majlis Syarahan Perdana Profesor bagi Profesor Ir. Ts. Dr. Sivarao Subramonian. Sesungguhnya, majlis syarahan perdana yang dianjurkan ini bukan sahaja untuk mengiktiraf pencapaian kecemerlangan dan kesarjanaan warga akademia di UTeM, malah sebagai suatu manifestasi

terhadap usaha berterusan pihak universiti dalam peningkatan pencapaian ilmiah di UTeM.


Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

- 
2. Seiring dengan perjalanan intelektual seorang profesor, pihak universiti sentiasa menggalakkan warga akademia UTeM untuk berusaha menjadi seorang sarjana yang berpengaruh dalam bidang kepakaran masing-masing. Sumbangan professor-profesor UTeM dan warga akademik UTeM perlulah memperkayakan khazanah ilmu,

dan meninggalkan impak signifikan kepada semua pemegang taruh.

3. Peranan seorang profesor seharusnya melangkaui sempadan bilik kuliah, juga merentasi bidang penyelidikan dan inovasi kearah menghasilkan pemimpin masa hadapan yang holistik. Ia adalah peranan yang memerlukan dedikasi yang tinggi, semangat tidak mengalah, dan komitmen yang tidak berbelah bagi terhadap kemajuan ilmu. Pesanan saya kepada semua professor-profesor dan warga akademik di UTeM, agar

sentiasa mempertingkatkan kualiti-kualiti ini, supaya terus menjadi inspirasi kepada seluruh rakan sejawat dan para pelajar.

- 
4. Bukan itu sahaja, seorang profesor adalah bertanggungjawab terhadap kesinambungan ilmu yang diperoleh supaya tidak terhenti di satu sempadan. Di sini, saya ingin menyeru kepada semua profesor untuk sentiasa berkomunikasi dan berkongsi idea-idea dengan pensyarah-pensyarah lain dan berusaha untuk melahirkan perintis profesor di masa akan datang.

5. Seperti yang kita sedia maklum, kesarjanaan sesebuah universiti juga adalah bergantung kepada kualiti dan kuantiti profesor yang diperoleh universiti tersebut. Semoga usaha bersama yang dicurahkan oleh profesor-profesor lama/senior dalam melahirkan profesor-profesor baru akan dapat mencambahkan lagi keilmuan di UTeM seterusnya meletakkan UTeM di persada antarabangsa.

6. Hari ini, kita berpeluang untuk berkumpul bukan sahaja untuk mengiktiraf pencapaian profesor kita yang diraikan, malah untuk menyelami kedalaman ilmu dan kesarjanaan

beliau yang telah sedikit sebanyak mencorakkan landskap akademik universiti ini. Semoga sesi pada pagi ini akan dapat memberi manfaat kepada semua warga universiti secara keseluruhan.




Warga UTeM dan para hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Sementara kita mendengar syarahan perdana professor yang bakal disampaikan oleh Prof. Siva sebentar nanti, mari kita sama-sama renungkan impak yang mendalam, apakah sumbangan kita sebagai seorang individu dalam

mencorakkan kanvas akademik dan kesarjanaan di UTeM. Sebagai Naib Canselor UTeM, saya amat menggalakkan semua untuk terlibat secara aktif dalam perkongsian ilmu, kerana melalui pertukaran idea, kita dapat sama-sama memupuk persekitaran pembelajaran yang berterusan. Semoga, syarahan yang di sampaikan, dapat menjadi sumber inspirasi kepada semua.

8. Sekali lagi, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Marilah kita terus berusaha untuk peningkatan kecemerlangan akademik

kita. Tahniah saya ucapkan kepada Prof. Siva dan harapan saya kepada beliau, agar dapat terus berusaha membawa universiti ke peringkat kejayaan yang tertinggi. Tahniah juga kepada FTKIP dan CAES bagi penganjuran program ini.

- 
9. Tanpa melengahkan masa, dengan lafaz Bismillah, dan dengan rasa penuh kesyukuran, saya merasmikan sesi Syarahan Perdana Profesor bagi Profesor Ir. Ts. Dr. Sivarao Subramonian.

Sekian.

Wabillahitaufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

